

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Musa sedia dengar sungutan

KUALA LUMPUR, Isnin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam akan bertemu dengan ahli-ahli Kesatuan Kakitangan Kementerian Penerangan pada 9 Januari untuk mendengar sungutan mereka.

Setiausaha Agung kesatuan itu, Haji Ayub Abdul Ghani berkata, dialog dengan Datuk Musa itu diharap dapat memperbaiki perkhidmatan Jabatan Penyiaran, terutama berhubung dengan rancangan-rancangan radio dan televisyen.

Katanya, sudah sampai masanya masalah-

masalah yang dihadapi oleh pembaca-pembaca berita, pemberita, penerbit, pekerja-pekerja kreatif yang lain di Jabatan itu didengar dan "membuat sesuatu untuknya."

Di antara masalah besar yang akan dikemukakan dalam dialog tersebut ialah soal pengiktirafan profesion kakitangan penerangan.

"Kami mahukan latihan diberikan kepada penerbit rancangan, pemberita dan lain-lain kaitangan kerana kemudahan-kemudahan sedia

ada," katanya.

Haji Ayub juga memberitahu, tidak terdapat sebarang skim yang sempurna untuk sebarang pekerja di jabatan penyiaran.

Penerbit-penerbit ataupun pembaca-pembaca berita dimasukkan dalam kategori perkeranian, sementara pembantu-pembantunya ditempatkan dalam kumpulan pekerja perusahaan (IMG).

Gaji-gaji yang mereka terima tidak sepadan dengan beban kerja dan ini menyebabkan ramai meninggalkan perkhidmatan.